



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK PERDANA
SHAH ALAM**

**“TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA LIM HOCK CHOON@
ROBERT LIM DAN KOH HWEE FANG MENGENAI TARIAN BAKUL
SIA MASYARAKAT BABA NYONYA”**

**NORHASANA BINTI BAHARIN
(2022937869)**

**NUR HAZIRAH BINTI ZAKARIA
(2022978291)**

SEMESTER MAC 2023- OGOS 2023

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK PERDANA
SHAH ALAM**

**“TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA LIM HOCK CHOON@ ROBERT LIM
DAN KOH HWEE FANG MENGENAI TARIAN BAKUL SIA MASYARAKAT
BABA NYONYA”**

**NORHASANA BINTI BAHARIN
(2022937869)**

**NUR HAZIRAH BINTI ZAKARIA
(2022978291)**

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC 2023-OGOS 2023

ISI KANDUNGAN

NO	PERKARA	MUKA SURAT
	Abstrak Penghargaan Senarai Singkatan Senarai Abreviasi	i ii iii
1.	1.0 Biodata Penemubual 1.1 Biodata Penemubual Pertama 1.2 Biodata Penemubual Kedua	1 2
2.	2.0 Biodata Tokoh 2.1 Biodata Tokoh Pertama 2.2 Biodata Tokoh Kedua	3 4
3.	3.0 Pengenalan	5-7
4.	4.0 Kajian Literatur	8-10
5.	5.0 Transkrip Temubual 5.1 Transkrip Temubual Tokoh Pertama 5.2 Transkrip Temubual Tokoh Kedua	11-41 42-76
6.	6.0 Ralat	77
7.	7.0 Ringkasan	78-79
8.	8.0 Log Temubual 8.1. Log Temubual Tokoh Pertama 8.2 Log Temubual Tokoh Kedua	80-82 83-85
9.	9.0 Kesimpulan	86
10.	10.0 Indeks	87-90
11.	11.0 Rujukan	91-92

12.	12.0 Lampiran	
	12.1 Biodata Tokoh	93-94
	12.2 Surat Perjanjian	95
	12.3 Senarai Soalan	96-103
	12.4 Diari Penyelidikan	104-110
	12.5 Gambar, Sijil dan Bahan Yang Berkaitan dan Lain-lain	111-119

ABSTRAK

Transkrip ini adalah berdasarkan sumber lisan tentang penyelidikan tarian tradisi masyarakat Baba Nyonya iaitu dikenali tarian bakul sia di Negeri Melaka Bandar Bersejarah. Artikel ini juga mengandungi hasil temubual dari seorang tokoh iaitu Lim Hock Choon atau lebih dikenali sebagai Baba Robert yang merupakan Pengerusi Persatuan Peranakan Cina Melaka serta dibantu seorang penari dari kumpulan tarian bakul sia iaitu Koh Hwee Fang atau Mia Koh. Selain itu aspek sejarah tarian bakul sia juga dibincangkan. Pemerhatian dan medan kajian telah dijalankan melalui temuduga, rakaman audio dan sesi bergambar. Seterusnya, pemerhatian dari segi prop yang digunakan semasa tarian iaitu bakul sia, bimpo dan juga payung menjadikan tarian ini lebih unik serta merujuk kepada tradisi turun temurun yang diamalkan bagi kaum cina peranakan sehingga ke hari ini. Melalui kajian ini berharap dapat menyediakan rujukan asas yang berkaitan dengan keunikan tarian tradisi ini selain dapat megekalkan warisan budaya kita serta tarian masyarakat ini lebih dikenali generasi muda.

Kata Kunci: *Baba Nyonya, tarian bakul sia, Robert Lim, tradisi, peranakan*

ABSTRACT

This transcript is based on oral history about researching the traditional dance of the Baba Nyonya community, which is known as the basket dance in the State of Melaka, a historic city. This article also contains the results of an interview with a figure who is Lim Hock Choon or better known as Baba Robert who is the Chairman of the Melaka Chinese Peranakan Association and assisted by a dancer from the sia basket dance group, Koh Hwee Fang or Mia Koh. In addition, the historical aspect of basket dance is also discussed. Observation and field research was conducted through interviews, audio recordings and photo sessions. Next, observation in terms of the props used during the dance, are sia baskets, bimpo and even umbrellas make this dance more unique and refer to the generational tradition practiced by the Peranakan Chinese until today. Through this study, we hope to be able to provide a basic reference related to the uniqueness of this traditional dance in addition to being able to maintain our cultural heritage and this community dance is better known to the younger generation.

Keyword: *Baba Nyonya, Bakul Sia Dance, Tradition, Robert Lim, Peranakan*

PENGHARGAAN

Assalamualaikum WBT.

Pertama sekali kami ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana diberi peluang, kekuatan dan masa untuk menyiapkan tugas transkrip temubual dalam khusus Sejarah Lisan pada semester ini dengan jayanya walupun terpaksa menghadapi perit jerih dugaan dan rintangan tetapi alhamdulillah kami berjaya untuk mengatasinya pada waktu yang telah ditetapkan. Alhamdulillah syukur ke hadratMu Ya Allah.

Seterusnya, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Nazir bin Ahmad sebagai pensyarah Oral Documentation (IMR604) Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Puncak Perdana kerana telah memberi segala tunjuk ajar dengan menyumbangkan ilmu pengetahuan beliau dalam mendidik serta dorongan membimbing kami dalam proses menyiapkan tugas ini dalam masa yang ditetapkan. Sesungguhnya segala ilmu dan tunjuk ajar yang diberikan sangat membantu dan dapat memberikan kami ilham yang banyak dalam menjayakan projek ini. Terima kasih kami ucapkan kerana sudi mencurahkan ilmu pendokumentasian lisan dengan jelas kepada kami dengan sebaiknya dan menerima kami sebagai pelajar dengan hati yang terbuka.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih serta penghargaan kepada tokoh Lim atau lebih dikenali sebagai Baba Robert Lim kerana memberi peluang dan kesempatan untuk kami menemubual beliau secara fizikal bertempat di Dewan MBMB Pulau Gadong, Melaka. Jutaan terima kasih buat beliau kerana sudi menerima kunjungan kami bagi membantu menyiapkan tugas ini. Tidak lupa juga kepada tokoh kedua iaitu Hwee Fee Chang atau Mia Koh yang ditemubual melalui aplikasi atas talian iaitu google meet. Jasa kedua-dua tokoh ini akan dikenang sepanjang akhir hayat kami.

Akhir sekali, jutaan terima kasih juga diucapkan kepada kedua-dua ibu bapa serta keluarga yang banyak memberi dorongan serta sokongan untuk menyiapkan tugas ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan Nur Batrisyia Izzah binti Ahmad Khan, Nur Elyna balqis binti Hamzah, Nur Hidayatul Nisha binti Hussin dan Nur Azyyati binti Alfian yang banyak membantu ketika proses temubual bersama tokoh berlangsung serta memberi nasihat yang membina kepada kami sepanjang proses menyiapkan tugas ini dengan jayanya . Tanpa mereka apa lah daya kami untuk menyiapkan tugas dengan baik . Terima kasih kepada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu kami dalam menyempurnakan tugas kami.

Sekian, Terima Kasih.

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	MAKSUD
BR	Baba Robert Lim@Lim Hock Choon
CMK	Cik Mia Koh@Koh Hwee Fang
PK 1	Penari Kumpulan 1
PK 2	Penari Kumpulan 2
NHZ	Nur Hazirah Binti Zakaria
NHB	Norhasana Binti Baharin

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
JKKN	Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri
PERZIM	Perbadanan Muzium Melaka
MBMB	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
TYT	Tuan Yang Terutama
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
MMU	Multimedia Universiti

BIODATA
PENEMUBUAL


1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 Biodata Penemubual Pertama



Nama	Norhasana Binti Baharin
Alamat	Lot 7353, lorong haji kassim , jalan felcra nasarudin kampung nasarudin 32600 Bota Perak Darul Ridzuan
No. Telefon	016-4593920
Email	hasanabaharin@gmail.com
Program	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Pengurusan Rekod)

1.2 Biodata Penemubual Kedua



Nama	Nur Hazirah Binti Zakaria
Alamat	No 86, Jalan Sena 3/1, Taman Bandar Baru,06400, Pokok Sena, Kedah
No. Telefon	011-56781271
Email	nurhazirah132@gmail.com
Program	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Pengurusan Rekod)

BIODATA TOKOH

2.0 BIODATA TOKOH

2.1 BIODATA TOKOH PERTAMA



Nama	Lim Hock Choon@ Robert Lim
Nama Panggilan	Baba Robert
Umur	82 Tahun
Tarikh Lahir	12 Januari 1942
Tempat Lahir	Ujong Pasir Melaka
Tempat Tinggal	Melaka
No.Telefon	016-3141708
Pekerjaan	Pengerusi Persatuan Peranakan Cina Melaka
Status	Berkahwin
Bilangan Anak	8 orang

2.2 BIODATA TOKOH KEDUA



Nama	Koh Hwee Fang
Nama Panggilan	Lotus
Umur	26 Tahun
Tempat Lahir	Melaka
Tempat Tinggal	Semambu, Melaka
No Telefon	014-3144578
Pekerjaan	Pengurus di Bahagian Sumber Manusia
Bilangan Adik Beradik	3 Orang
Status	Bujang

PENGENALAN

3.0 PENGENALAN

Di Malaysia terdapat pelbagai jenis masyarakat etnik dan salah satu daripadanya merupakan masyarakat Baba dan Nyonya. Pada abad ke-15 hingga ke-17, telah bermulanya masyarakat yang unik di Melaka sejak 600 tahun yang lalu. Masyarakat ini wujud apabila pendatang-pendatang Cina yang telah datang ke kepulauan Melayu dan Malaya British pada abad ke-15 hingga ke-17. Etnik ini merupakan perkahwinan antara pedagang Cina dengan gadis-gadis tempatan. Kesan daripadanya telah wujud sebuah masyarakat yang berkacukan Cina, kebanyakannya dari etnik Hokkien, Melayu. Dalam keluarga mereka, suaminya dikenali sebagai baba dan isterinya dikenali sebagai nyonya. Kumpulan etnik minoriti ini memiliki dua budaya warisan iaitu tradisi Cina dan pada masa yang sama masyarakat ini mengamalkan ciri-ciri kebudayaan masyarakat Melayu. Suku kaum ini telah membawa keunikan kepada negara kita kerana mempunyai beberapa adat turun temurun, pakaian, makanan tradisi serta pelbagai jenis tarian tradisi yang dikenali sehingga kini.

Seperti masyarakat Melayu di Melaka, masyarakat Baba Nyonya juga mempunyai seni tari yang beridentitikan masyarakatnya. Salah satu daripadanya tarian bakul sia. Tarian ini terdapat di negeri Pulau Pinang dan Singapura tetapi lebih terkenal di negeri Melaka Bandaraya Bersejarah. Selain di Kg. Bukit Rambai, kumpulan minoriti masyarakat Baba Nyonya juga boleh dilihat di kawasan Jonker Walk Melaka.

Tarian bakul sia adalah tarian kebudayaan masyarakat Baba Nyonya yang menggunakan bakul jenis ini sebagai prop, dipegang oleh para penari perempuan yang dipanggil Nyonya. Antara contoh prop yang dipegang dan digunakan ialah bakul sia sendiri, kipas, bimpo (sapu tangan), dan juga payung. Bagi corak pada bakul sia, terdapat maksud tersendiri disebalik corak motif tersebut.

Hal ini kerana, corak tersebut digunakan secara turun temurun sejak dahulu lagi. Warna pada bakul ini merupakan gabungan antara warna merah dan hitam. Namun, corak bagi prop lain boleh bertukar-tukar mengikut pilihan tersendiri sebelum memulakan tarian. Bakul sia ini merupakan satu tradisi kraftangan Baba dan Nyonya yang diperbuat daripada buluh, kayu dan juga dibalut dengan kertas tebal atau kulit. Istilah bakul dalam konteks ini diambil daripada istilah Bahasa Melayu yang merujuk kepada sejenis objek iaitu "bakul" manakala sia ataupun siah membawa maksud "bertuah" dalam bahasa Hokkien. Dari fungsinya pula, selain daripada digunakan semasa tarian, bakul ini seringkali digunakan untuk menyimpan makanan atau hadiah pada majlis-majlis khas terutamanya pada majlis perkahwinan sebagai mengisi hantaran. Antara bahan atau barang yang diletakkan dalam bakul sia seperti beras, telur, suhun, gula, kuih tradisi Dan sebagainya.

Bagi bakul sia yang digunakan semasa tarian tiada pembekal yang disediakan. Hal ini kerana, bakul tersebut hanya akan dibeli di setiap kedai antik sahaja supaya coraknya tetap sama mengikut turun-temurun. Seterusnya, bagi ahli kumpulan untuk tarian ini terdiri daripada enam hingga sepuluh dalam satu kumpulan. Selain daripada nyonya sahaja, baba juga boleh menyertai tarian tersebut tetapi kebanyakan penari di negeri Melaka adalah nyonya.

Kostum yang digunakan semasa tarian amatlah unik dengan penuh tradisi iaitu mengenakan baju kebaya bersama kain sarung dan juga kebaya labuh atau kebaya panjang. Jenis kebaya ini dipanggil sebagai "bibi" dalam masyarakat Baba dan Nyonya. Bagi kebaya pendek hanya akan dipakai oleh anak gadis yang belum berkahwin manakala kebaya panjang atau bibi akan ditaja khas kepada nyonya yang sudah berusia ataupun yang sudah berkahwin untuk dipakai semasa tarian. Corak serta warna kostum juga boleh dipilih setiap kali persembahan tarian dijalankan mengikut pilihan tersendiri.

Baju kebaya ini lazimnya diperbuat daripada kain kasa jarang dan juga disulam dengan motif flora dan fauna dengan sulaman benang berwarna-warni. Bagi kain sarung pula bermotifkan corak batik yang dipakai dan di simpul seperti memakai kain pelikat.

Semasa tarian, nyonya wajib mengenakan kasut manik dan setiap penari wajib mempunyai sekurang-kurangnya sepasang kasut manik. Pada zaman 1920-an dahulu, kasut ini dikatakan akan menambah keayuan kaum wanita apabila memakainya. Unsur flora dan fauna serta pelbagai jenis motif yang ada pada kasut manik akan menyerikan lagi kasut yang dipakai semasa tarian. Kasut ini dihasilkan daripada jalinan manik-manik kaca yang bersegi-segi halus pada kain terpal. Semasa tarian, nyonya diwajibkan untuk memakai kasut manik yang bertumit bagi menonjolkan lagi keunikannya semasa tarian.

Selain daripada kostum, semasa tarian ini juga mempunyai beberapa jenis perhiasan yang akan dipakai oleh nyonya. Antaranya, cucuk sanggul, kerongsang dan juga rantai. Alat perhiasan ini juga merupakan salah satu tradisi dalam masyarakat etnik ini. Bagi kerongsang hendaklah menggunakan tiga kerongsang berantai sebagai butangnya apabila memakai baju kebaya. Bagi cucuk sanggul pula mestilah sama dan juga selari dengan ahli kumpulan semasa tarian. Alat solekan yang dipakai semasa tarian disolek sendiri dan mempunyai keunikannya sendiri dengan menampakkan muka penari lebih berseri.

Tarian bakul sia ini memaparkan gerak tari yang lebih menekankan kepada kesopanan dan kelembutan yang perlu ditunjukkan oleh penari berdasarkan gerak tari yang diajar sejak zaman turun-temurun dari generasi terdahulu sehingga kini. Hal ini kerana, gerak tari ini mengikut muzik yang dimainkan semasa tarian iaitu muzik keroncong. Lagu yang dimainkan sepanjang tarian berjudul “kisah baba dan nyonya”.

**KAJIAN
LITERATUR**

4.0 KAJIAN LITERATUR

Asal usul masyarakat etnik Baba dan Nyonya muncul pada abad ke-15 hingga ke-17, masyarakat yang unik ini bermula di Melaka sejak 600 tahun yang lalu. Masyarakat ini wujud apabila pendatang-pendatang Cina yang telah datang ke kepulauan Melayu dan Malaya British pada abad ke-15 hingga ke-17. Melalui JKKN, masyarakat Baba dan Nyonya mempunyai seni tari yang beridentitas masyarakatnya. Tarian ini wujud di Bukit Rambai dan juga terdapat di sekitar Jonker Walk Melaka. Tarian ini adalah kebudayaan masyarakat Baba Nyonya yang menggunakan bakul ini sebagai prop dan dipgang oleh para penari perempuan iaitu Nyonya dalam berkumpulan enam hingga sepuluh orang satu kumpulan. Bakul Sia diperbuat daripada buluh lembut yang dibalut dengan kertas tebal. Hiasannya biasanya lukisan bermotifkan bunga atau kerawang berlatarkan budaya masyarakat Cina atau Baba Nyonya. Bakul ini adalah bekas untuk mengisi makanan, juga turut digunakan sebagai bekas untuk hantaran perkahwinan. Muzik tarian ini berirama keroncong sesuai dengan gerak tarinya yang memaparkan kelembutan dan kesopanan kaum wanita Baba Nyonya. (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Melaka)

Berdasarkan Jurnal Sejarah Lisan Malaysia, dari segi pembuatan kasut manik kain yang digunakan adalah dari jenis polister yang mempunyai ketebalan yang agak tinggi. Manik yang digunakan dalam pembuatan kasut tersebut diimport dari Jerman dan Itali. Manik-manik yang diimport ini adalah sangat halus dan susah untuk didapati pada zaman sekarang. Kasut manik mempunyai pelbagai corak yang menarik dan sesuai untuk digayakan sama ada ketika waktu kasual atau untuk menghadiri sesuatu majlis. Pembuatan kasut manik ini adalah bergantung dengan pembuatan tangan secara keseluruhannya tanpa menggunakan mesin.

Manakala dari mantan Presiden Persatuan Peranakan Cina Melaka yang merupakan generasi kelima keturunan Baba Nyonya, pembuatan kasut ini amatlah sukar dan memerlukan kesabaran yang tinggi untuk menyiapkan pembuatan kasut. Nyonya wajib mengenakan kasut manik dan setiap penari wajib mempunyai sekurang-kurangnya sepasang kasut manik. Pada zaman 1920-an dahulu, kasut ini dikatakan akan menambah keayuan kaum wanita apabila memakainya. Unsur flora dan fauna serta pelbagai jenis motif yang ada pada kasut manik akan menyerikan lagi kasut yang dipakai semasa tarian. Kasut ini dihasilkan daripada jalinan manik-manik kaca yang bersegi-segi halus pada kain terpal. Semasa tarian, nyonya diwajibkan untuk memakai kasut manik yang bertumit bagi menonjolkan lagi keunikannya semasa tarian. (Baba Peter Ong, Mantan Presiden Persatuan Peranakan Cina Melaka)

Melalui tinjauan kajian di jurnal ini, kasut yang dipakai bersama kebaya dipanggil kasut manik-manik kerana kasut tersebut disalut manik yang berwarna cerah seperti merah, kuning dan putih. Manik-maniknya akan disusun pada kasut untuk membentuk motif-motif bungaan. Lazimnya, warna kasut dan kerongsang yang akan dipakai semasa tarian akan mengikut warna baju kebaya dan kain sarung. Bagi perhiasan, cucuk sanggul juga barang perhiasan yang harus dipakai bersama baju kebaya semasa tarian. Seorang nyonya yang berkain batik dan berbaju kebaya mestilah bersanggul yang didandan ditengah-tengah kepala menandakan wanita itu sudah berkahwin, manakala yang belum berkahwin akan didandan berbentuk siku keluang di bahagian kiri dan kanan kepala. Di tengah-tengah sanggul itulah dicucuk sanggul yang diperbuat daripada suasa yang panjangnya kira-kira 12cm. (Jurnal Nyonya Melaka: Pelancongan dan Transformasi Budaya Baba)

Jelaslah bahawa terdapat banyak keunikan tersendiri yang digunakan semasa tarian bakul sia dipersembahkan dari segi kostum, perhiasan, kasut manik dan sebagainya yang dapat membuka mata orang ramai tentang kewujudan tarian ini yang sememangnya sudah wujud sejak lama lagi. Dengan ini, masyarakat Baba Nyonya akan lebih dikenali oleh generasi kini terutamanya generasi muda yang bagi mereka tarian tradisi sebegini merupakan sesuatu yang lapuk ditelan dek zaman meskipun terdapat banyak keistimewaan dan keunikannya tersendiri.

**TRANSKRIP
TEMUBUAL
TOKOH
PERTAMA**

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan dengan Baba Robert yang merupakan Pengerusi Persatuan Peranakan Cina Melaka mengenai tarian bakul sia masyarakat baba dan nyonya . Rakaman ini dijalankan di Dewan MBMB Pulau Gadong, Melaka pada 7hb Jun 2023 jam lapan malam. Wawancara ini dikendalikan oleh Nur Hazirah binti Zakaria dan dibantu oleh Norhasana binti baharin . Dengan segala hormatnya, kita mulakan rakaman ini.

NHZ :Untuk *first* soalan, boleh saya tahu latar belakang baba?

BR: Latar belakang baba nyonya ? .

NHZ: Latar belakang baba. Nama penuh ? Gelaran?

BR: Lim Hock Choon@Robert Lim. Dah [sudah] ada ? Ada recording [rakaman]?

NHZ: Saya rekod.

BR: Okey. Lagi?

NHZ: Nama gelaran ?

BR: Robert Lim. Biasa Baba Robert lah diorang [mereka] panggil.

NHZ: Umur Baba sekarang ?

BR :Dah [sudah] tua dah [sudah] 82.

NHB: Baba dilahirkan dan dibesarkan dimana ?

BR: Saya dilahir pada 12 hari bulan Januari tahun 1942.

Di Melaka, [Ujong Pasir Melaka].

NHZ: Baba memang berasal daripada Melaka ?

BR :Berasal dari Melaka dan dilahirkan di Melaka juga.

NHZ: Adakah Baba sudah berkahwin dan mempunyai anak ?

BR :Sudah beristeri anak lapan (sambil ketawa). lagi ?

Dah[sudah] beristerilah

tapi orang rumah dah meninggal. Nama isteri saya Ngow Jee.

NHB: Berapa lama usia perkahwinan Baba?

BR: Saya 21 dah kahwin (sambil ketawa). 61 tahun lah sudah kahwin.

NHB: Adakah Baba sudah mempunyai cucu ?

BR: Cicit ada cucu ada.

NHB: Berapa orang?

BR : Cicit ada 2 cucu ada 8

NHZ: Untuk bilangan adik beradik, Baba ada berapa orang adik beradik ? dan anak keberapa ?

BR : Saya kira lelaki , saya anak ketiga lah yang ketiga .

Kalau campur semua Saya yang kelima. Perempuan dua kakak .

Jadi tujuh orang lah.

NHZ: Untuk sejarah pendidikan latar belakang pendidikan boleh saya tahu sekolah rendah, menengah , melanjutkan pelajaran ?

BR :Sekolah rendah ? Nama sekolah ke apa ?

NHZ : Ya, sekolah rendah dan menengah .

BR: St . Francis Institution, Melaka

NHB : Apakah kerjaya baba pada waktu dahulu ?

BR :Saya ke luar negara di Australia pada tahun 1976 dan sebagai

supervisor [penyelia] mekanik.

NHB : Apakah pencapaian Baba waktu sekolah sampai peringkat yang tertinggi ?

BR: Tiada. Lepas sekolah dah lama dah kerja ke apa belakang baru bercampur . Asal dia baba nyonya bakul sia ni yang betul dia untuk hantaran orang lama Dah[sudah] berumur bila dia saegit hari lahir dia kita pakai bakul sia ni taruh[letak] mi suhun macam bahun lilin sepasang dan telur kita hantar kepada yang hari jadi dia. Daripada situ kita kena ingat ini bakul sia ada bagus dia lah kita buat tarian dia lah untuk kenangan orang lama.

NHZ: Untuk dalam persatuan ini , macamana [bagaimana] baba boleh libatkan diri dari awal, memang berminat dan berapa lama baba berkhidmat dalam persatuan ?

BR: Persatuan, dulu kita semua dekat 15 tahun adalah waktu saya jadi penolong pengerusi sekarang saya buat sendiri pengerusi pasal[sebab] pengerusi kita dah [sudah] meninggal.

NHB : Adakah baba suka kerjaya baba sekarang ?

BR: Suka, memang suka jadi kita pun ada jumpa exco Jailani lah dulu dia jumpa saya dia kata baba jangan kasi [bagi] lupus baba nyonya ini . Itu pasal [sebab] sampai ini hari kita sambung.

NHZ: Siapakah yang paling banyak bagi sokongan, dukungan untuk baba terlibat dalam persatuan ini?

BR: JKKN, MBMB, YISUA, PERZIM, muzium punya lah. Itu semua disokong. Kadang-kadang orang jemput kita hari kawen [kahwin] ke, dia jemput kita joget kita pergilah.

NHZ: Untuk soalan seterusnya berkaitan tarian seni bakul sia. Adakah ada nama lain selain nama tarian bakul sia?

BR: Takde [tiada]. Kalau bakul sia. Ini bakul sia kita pakai saje [sahaja].
Lagu macam-macam lagu pun kita boleh pakai dia bakul sia juga.

NHZ: Boleh saya tahu bila wujud tarian ini?

BR: Ha?

NHZ: Bila wujud tarian bakul sia?

BR: Oh. Dah [sudah] lama. Berapa tahun jugak. [juga].
Yang baru tadi joget itu baru lagi dua tahun.

NHZ: Tarian ini sendiri berasal dari negeri Melaka lah kan?

BR: Ye, ye. [ya] betul. Asal [berasal] dari Melaka.

NHB: Siapakah yang memperkenalkan tarian bakul sia ini?

BR: Kita hendak pakai apa yang macam lagu dia punya dan lagu macam tadi itu. Jadi bakul sia itu kita nak [hendak] pakai kipas ke payung ke. Sendiri la. Tengok nyonya-nyonya ini semua suka apa lah. Jika suka pakai bakul , bakul sia lah .

NHZ: Untuk tarian ini boleh saya tahu keunikan tarian ini sendiri?

BR: Keunikan dia [tarian bakul sia] baba nyonya ini dia pakai bakul sia. Jadi situ lah keunik [keunikan] dia lah. Tak [tidak] boleh lari daripada bakul sia mesti mau [mahu] ada.

NHB: Kita masuk kepada soalan khusus pada tarian ini. Ada tak [tidak] sebarang kostum atau pakaian digunakan dalam tarian?

BR: Kebanyakan kita pakai kebaya, sarung kebaya.

NHB: Lagi?

BR: Itu ja [sahaja] kita pakai. Kita tak [tidak] boleh pakai lain pasal [sebab] asalnya baba nyonya, kebaya. Bibi (suara penari mencelah daripada belakang). Haa bibi. Bibi itu lakonan lah. Itu kalau buat lakonan ke. Baju panjang dia panggil. Ada anak baju (ada gambar). Itu baju panjang. Itu dulu-dulu orang pakai, cucuk sanggul tiga (sambil menunjukkan gambar di paparan telefon bimbit) itu uniklah. Mesti dulu-dulu punya orang itu buat.

NHZ: Untuk pakaian itu sendiri warna baju ditetapkan?

BR: Takde. [tiada]. Suka-suka hati dia.

NHB: Secara bebas saja [sahaja] lah?

BR: Ada bebas. Jadi kalau diorang [mereka] nak [hendak] berjoget macam tadi itu, kalau kita ada persembahan di Perzim bulan tujuh ini, mereka akan cakap ini apa baju lain-lain lah warna.

NHB: Oh. Boleh pilih sendiri lah?

BR: Boleh-boleh. Ini baju saya serah kepada penari. Lagi apa adik?

NHZ: Untuk pakaian itu ada pembekal ke bekalkan pakaian?

BR: Takde. [tiada] sendiri. Buat, beli sendiri.

NHB: Jahit sendiri ke?

BR: Beli sendiri. Pasal [sebab] kita punya persatuan pun belum ada apa sumbangan apa-apa lagi lah.

NHZ: Kalau saya tengok [melihat] kebaya itu kan pakai kain batik kan. Ya betul. (Baba Robert mencelah) cara pemakaian kain batik ada cara tersendiri ke untuk pakai?

BR: Dulu-dulu punya semua cara sendiri. Sekarang semua dah [sudah] campur. Dulu-dulu lipat itu macam orang Melayu juga pakai kain sarung Itu. (suara penari mencelah). Nanti sekarang interview nyonya joget pula lah (Baba Robert mencelah). Dulu-dulu lipat ada tali kendit dia. Tali kendit itu tali pinggang lah. Tali pinggang suasa, perak. Ada-ada tali pinggang. Dia dulu-dulu panggil tali kendit. Orang baba nyonya panggil.

NHB: Dalam tarian ini semua penari pakai solekan?

BR: Solek. Sendiri solek lah.

NHB: Semua sendiri solek?

BR: Haa semua sendiri solek.

NHB: Ada maksud tertentu tak [tidak] untuk setiap solekan?

BR: Tiada.

NHB: Ke [atau] pakai biasa sahaja?

BR: Biasa. Tapi lebih kepada luar biasa punya lah. Bila ada persembahan ke apa kan, mereka solek lebih sikit lah atau mereka pergi kedai kita tidak tahu lah.

NHZ: Semasa tarian itu ada pakai alat perhiasan?

BR: Ada-ada. Sanggul, bunga. Cepat lah cari gambar. Kasi [bagi] tunjuk gambar lah (ujar baba Robert kepada ahli penari). Ini sanggul dulu-dulu. Tiga sanggul. (sambil menunjukkan gambar cucuk sanggul di paparan telefon bimbit)

NHB: Sekarang pakai macamni [begini] juga? Sanggul macam itu?

BR: Kalau ada *show* [persembahan] kita pakai lah. Permintaan lah. Mereka kata hendak pakai baju panjang kita pakai baju panjang lah. Tapi akan datang lah bulan tujuh lah, JKKN [Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara] ada buat baju panjang untuk kita.

NHB: Mereka *sponsor* [taja] ke?

BR: Baju panjang JKKN [Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara] *sponsor*
[taja]. Lain sanggul tiga semua kita semua cari lah.

NHZ: Untuk penghasilan bakul itu ada pembekal sendiri atau buat?

BR: Kita beli.

NHZ: Tapi bakul itu corak turun-temurun?

BR: Corak semua sama.

NHB: Ada maksud ke dia [bakul sia] punya ini?

BR: Ye [ya] lah. Macam saya kata tadi, bakul sia ini sebetulnya ini buat hantaran, bila ini kita taruh [letak] bahan-bahan dalam hantar kepada yang buat hari jadi [hari lahir] dialah . Lilin, *misua*, telur. Tiga macam ini mesti mau[mahu] ada untuk orang dulu-dulu lah. Macam mak[ibu] kita ke kakak kita bila datang melawat kena bawa ini. Tapi bukan ini lah (sambil menunjukkan bakul sia di atas meja) ada besar sikit boleh isi macam-macam. Ada tiga, empat tingkat.

NHZ: Selain daripada tarian, bakul ini digunakan untuk acara hari jadi [hari lahir] yang baba cakap tadi.

BR: Kita pakai ini untuk tarian tapi kalau buat hantaran kita pakai yang lain.

NHZ: Ada banyak jenis?

BR: Banyak jenis.

NHB: Untuk tarian sahaja?

BR: Yang ini untuk tarian. Yang itu besar macam mana nak[hendak] joget.

NHZ: Selain bakul dan kain, ada prop lain ke?

BR: Ada. Payung, kipas, *bimpo* [sapu tangan].

NHB: Maksudnya sekali lah dengan bakul sia?

BR: Betul. Kalau pakai bakul sia, tak[tidak] pakai payung lah.

NHZ: Untuk tarian ini sendiri, boleh saya tahu tenaga pengajar yang ajar tarian ini?

BR: JKKN punya orang. Cikgu.

NHZ: Untuk satu kumpulan tarian itu, perlukan berapa ahli untuk menari?

BR: Penari dia lah?

NHB: Berapa orang?

BR: Kita telah buat paling tinggi sepuluh. Lepastu [selepas itu] bawah lapan, enam,

empat pun ada.

NHB: Semua perempuan atau lelaki atau campur?

BR: Lelaki dia taknak [tidak mahu], dia segan [malu].

NHZ: Tapi boleh?

BR: Boleh. Memang saya nak [hendak] cari tapi hati saya pun takut juga nanti

dia menari-menari dia bawa lari pula anak dara orang.

(suara ketawa di belakang)

Takda lah susah nak cari lelaki dorang [mereka] suka itu *hip-hop* lah,

baru-baru punya lagu.

NHB: Lelaki pakai baju apa menari?

BR: Pakai baju batik lah .

NHB: pakai baju batik .

BR: Lelaki tidak boleh pakai itu untuk joget . Lelaki pakai itu untuk lain

(sambil bercakap dengan penari)

NHB: Baju batik?

BR: Baju cina dan ada songkok dia sekalilah . Ada tak gambar, gambar baru ?

(sambil bertanya kepada penari) . Yang kita pergi Seremban tu Negeri

Sembilan. Dik [adik] Nor [Nur Hazirah Binti Zakaria]. Saya pakai baju

ada naga ada topi dia .

NHZ : Masa menari tadi ada iringan muzik kan ? adakah setiap kali tarian akan guna lagu yang sama ?

BR: Lain-lain lagu tapi dalam bahasa Melayu. Ada takde [tiada]

baba nyonya satu pun Melayu juga dia pakai lagu tu.

NHZ: Semasa menari itu , penari akan menari sahaja atau menyanyi sekali ?

BR: Kita suruh dia nyanyi dia tak [tidak] nak [mahu]. Patutnya nyanyi sekali

Barulah cantik . Macam ini orang muda, dia tahu nyanyi tapi dia

tak[tidak] nak [mahu] nyanyi. Kalau nyanyi lebih cantik lah dan

kita mahu diorang [mereka] berlenggok , lenggang lenggok

dan senyum itu yang kita nak[mahu] itu sahaja.

NHB: Berapa lama tarian ini ?

BR: Paling tinggi kita ada tarian baba nyonya tu 4 minit. Itu betul betul asal

dia baba nyonya punya lagu lah . Itu dulu kita pakai bakul sia juga

tapi sekarang kita sudah dah ubah pakai bimpo sahaja.

NHB: Bimpo?

BR: Bimpo yang ini (sambil menunjukkan sapu tangan di atas meja). Yang ini panggil bimpo lah.

NHZ: Selain masuk pertandingan tarian, ada acara lain atau acara yang lebih spesifik untuk dipersembahkan tarian itu ?

BR: Macamana [Bagaimana]? Persembahan ?

NHB: Ya

BR: Tiada spesifik, orang jemput kita .

NHB: Jadi pergi saja kalau ada .

BR: Kita yang pilih lagu , kita yang pilih joget apa yang nak kasi[beri] dia lah
Dua lagu atau tiga kebanyakan dua je [sahaja]. Kalau [Jika] 3 tu [itu] masa dia panjang nanti. Biasa diorang [mereka] suruh [beritahu] saya , dia kasi kita sepuluh minit . Dalam sepuluh minit tiga lagu saje [sahaja].

NHB: Sepuluh minit tiga lagu ?

BR: Ya . Satu lagu ada yang dua minit lebih , tiga minit lebih yang paling banyak sekali baba nyonya punya lagu empat minit lebih.

NHB: Adakah terdapat instrumen lain yang digunakan selain guna muzik, atau memang guna muzik sahaja?

BR: Macamana ? [bagaimana]. Muzik?

NHB: Guna muzik sahaja ke atau ada instrumen yang lain ?

BR: Tiada

NHB: Guna muzik sahaja ya ?

BR: Muzik je [sahaja] . Biasa kita guna muzik tapi kalau diorang [mereka]

jemput kita macam MBMB dia ada dia punya *live band*

[persembahan kumpulan secara langsung], lagu sama tapi kena

[mesti] ikut dia punya *live* [secara langsung] . Tapi ada lain sikit lah

Menari dia pasal dia *live* [secara langsung] lah .

MBMB [Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah ada , JKKN [Jabatan

Kebudayaan Kesenian Negara]pun ada .

NHZ: Untuk tarian ini, ada pantang larang dia tersendiri ke ?

BR: Takde [tiada]. Tiada pantang.

NHB: Bagaimana penerimaan orang lain terhadap tarian bakul sia ?

BR: Diorang [mereka] suka. Kebanyakan suka lah. Itu hari kita pergi

Negeri Sembilan kita buat persembahan ada orang di Negeri Sembilan

kata [cakap tak [tidak] pernah dengar baba nyonya ,

kali pertama diorang [mereka] tengok [lihat]. Dan itu tak[tidak]

apa tapi kemudian jatuh cinta dengan saya

punya orang muda ni [ini]. Ini gurau je [sahaja] jangan .

NHB: Ramaikan yang suka tarian bakul sia ini, ada tak orang yang nak belajar tarian ini selain daripada masyarakat baba dan nyonya ? Ada tak [tidak] orang lain yang nak [mahu] belajar tarian ini ?

BR: Orang muda tak [tidak] dapatlah. Macam ini [Begini]

Muda muda susah lah nak [mahu] dapat. Ni [ini] saya dapat pun

ni [ini] alhamdulillah lah.

Susah ni susah lah dik [adik] orang muda ni [ini] macam ini [begini]

semua susah . Ni [ini] pun saya paksa dia ,sayaselalu telefon mak dia

(sambil menunjukkan ibu penari) itu mak dia. Berapa lama nak

panggil dia.

NHZ: Tarian ini pernah dipersembahkan kepada kerabat diraja ataupun di Melaka ini ?

BR: Tun, TYT (penari mencelah memberi maklumat pernah membuat persembahan di Kuantan untuk Raja Muda) Ya untuk Kuantan punya Raja Muda, raja jugaklah kira lupalah mana boleh ingat semua tahun lepas (penari mencelah memberi maklumat tentang persembahan diadakan pada tahun lepas). Tahun lepas kita pergi Kuantan, permintaan daripada Sultan Kuantan punya anak, Agong punya anak .
lu [kamu] ni [ini] saya bagi orang makan , Kamu pulak [pula] makan ,
passing [beri] orang belakang (sambil ketawa).

NHZ: Bagi baba ada cara tersendiri ka untuk menarik minat orang ramai menyertai tarian ini?

BR: Kebanyakan ramai berminat lah.

NHB: Ada promosi dekat mana-mana tak? [tidak] Sosial media ke?

BR: Takde-takde [tiada] itu kita belum buat lagi. Diorang

[mereka] nanti bawak [bawa] media datang. Media nanti
interview [temuduga] kita.

[Penari mencelah memberi maklumat] Ada baba, *facebook*[*aplikasi*
dalam talian] Dorang[Mereka] muda-muda
tahu *facebook* [*aplikasi dalam talian*] *Tiktok*[*aplikasi dalam talian*]
ada? *Tiktok*.

(Penari menjawab soalan babaRobert) *tiktok* ada,
kita *personal* [akaun sendiri].

BR: Minum air dik [adik]. Dah [sudah] tersangkut ke apa.

(bunyi suara ketawa)

Nur, jemput minum air. [bunyi kipas]. Ini bos eh? (Kawan
mencelah) Tak [tidak] kawan ja. Dari mana ni[ini]? Alor Gajah?

NHZ: Shah Alam

BR: Shah Alam. Dulu Alor Gajah dia ada jemput kita buat persembahan.

NHZ: Tarian ini sudah sampai ke luar negara atau masih dalam perkembangan?

NHB: Dalam Malaysia sahaja?

BR: Haah dalam negeri ja [sahaja]. Kuantan, Negeri Sembilan semua kawasan.

NHB: Ade [ada] strategi tak [tidak] nak kembangkan tarian ini?

BR: Memang ada.

NHB: Apa strategi? Contoh-contohnya.

BR: Takde [tiada] orang ni *sponsor* [taja].

NHB: Cari *sponsor* [tajaan] lah

BR: Tapi Jakarta dia kata ada nak [hendak] jemput kita pergi tapi taktau [tidak pasti] bila lah. Kerajaan Jakarta dia punya orang ada jumpa saya. Indonesia.

NHB: Indonesia?

BR: Nak [hendak] jumpa Jokowi.

NHZ: Untuk perkenalkan tarian ini kepada orang ramai terutamanya generasi muda, boleh saya tahu cabaran nak [hendak] perkenalkan tarian ini ke generasi muda?

BR: Cabaran dia?

NHZ: Haah [ya]

BR: Cabaran dia susah nak cakap tapi yang ade [ada] suka.

Orang muda-muda pun suka tengok jugak [juga] tapi

dia taknak [tidak mahu] campur, tapi dia

suka nak [hendak] tengok lah persembahan-persembahan kita bila

kita buat *show* [persembahan] kan dorang [mereka] tengok.

Ramai.

NHB: Waktu (semasa) covid-19 macam mana tarian ini?

BR: Takde [tiada] kita berhenti.

NHB: Berhenti terus?

BR: Berhenti terus, tak [tidak] boleh keluar, tak [tidak] boleh joget.

joget pun nak [kena] pakai penutup mulut dorang [mereka] taknak [tidak mahu].

Ada sekali kita buat TYT punya. Covid punya *time*, [masa] dia nak [mahu] jugak [juga] terpaksa kita.

Tapi pakai *shield* [pelitup muka berganda] lah tak [tidak] pakai *mask* [pelitup muka].

NHB: Jadi memang *stop* [berhenti] lepas habis covid-19 baru mula balik lah?

BR: Ya betul.

**NHZ: Langkah untuk pelihara warisan tradisional ini baba nyonya?
Langkah untuk pelihara warisan tradisional baba nyonya ini?**

BR: Ye [ya]. (Baba berhenti terdapat gangguan di belakang)

NHB: Apa cara yang patut persatuan baba ini buat (lakukan) untuk pelihara tarian ini?

BR: Ye [ya]. Memang kita nak persembahkan mana pun kita boleh kita buat tapi itulah *sponsor* [tajaan] kurang lah.

NHZ: So [jadi] caranya sekarang tengah [masih] cari *sponsor* [penaja] untuk kembangkan lagi tarian?

BR: Ye [ya] betul.

NHB: Kalau boleh nak [mahu] *sponsor* [penaja] dari sapa [siapa]?

BR: Kita ni [ini] lah. (bunyi suara ketawa). Nak [hendak] jumpa TYT, ada peniaga-peniaga yang besar-besaran, kita jumpa.

NHB: Melalui tarian ini ada tak [tidak] terdapat macam nilai murni. Nilai yang boleh dipupuk atau pun kebaikan.

BR: Dia ada bagi kita sijil lah. JKKN [Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara] ada bagi saya sijil. Dua kali ke tiga kali sijil.

NHZ: Untuk tarian ini turun-temurun sekarang masih, generasi sekarang masih berminat untuk menyertai? (adakah tarian ini turun-temurun dari sekarang dan generasi sekarang masih berminat untuk menyertai?)

BR: Ye. [ya]

NHZ: Adakah dia akan teruskan hingga ke

BR: Ye,ye. [ya] Kita nak [mahu] teruskan keturunan.

NHZ: Turun-temurun.

BR: Macam anak dia. Ini anak, itu mak (sambil menunjukkan penari yang mempunyai ikatan kekeluargaan turun-temurun).

Turun-menurun lah, baba nyonya punya joget ini.

NHB: Apakah harapan terhadap tarian bakul sia untuk masa sekarang dan masa hadapan?

BR: Harapan dia besar. itulah yang macam saya cakap tadi, memang kita taknak [tidak mahu] lupus. Kita mesti nak [hendak] sambung. Kalau saya takde [tiada] pun saya serah kasi [bagi] pada lain orang sambung lagi. Baba nyonya punya penari dia ada berapa kelab sini tapi dia takde [tiada] penari.

NHZ: Tak aktif.

BR: Haa. Yang ada kita je [sahaja].

NHZ: Semasa tarian ade [ada] pakai kasut tumit tinggi ?

PK: Pakai kasut manik lah. Dalam tarian pakai kasut manik, pakai kebaya, siap kerongsang .

NHZ: Untuk kasut tu [itu] ada ketinggian inci?

PK: Boleh, boleh tinggi boleh lebih lebih tinggi dua inci lebih, dua inci setengah macam gua [saya] tak [tidak] lah pakei [pakai] sampei [sampai] tinggi agakagak lah 2 inci setengah cukup lah . Semua *complete* [lengkap] kebaya siap , kain , kerongsang , pakai sanggul ,pakai anting anting siap kasut Manik. Bila [Apabila] mahu joget mesti ada [pakai] kasut manik satu sut lah.

NHZ: Fungsi bakul sia itu semasa menari ?

PK: Apa dia ?

NHZ: Fungsi bakul itu semasa menari ?

PK: Tengok tarian itu macam mana dia punya rentak . Kalau nak[hendak] kena [mesti] lenggang , lenggang , kalau nak hayun ,hayun bakul sia sama [dengan] bimpo [sapu tangan] lah.

NHZ: Dia ikut rentak lah ?

PK: Yes [Ya] dia ikut rentak , siap gelek lah ke kanan ke kiri lah .

NHZ: Untuk tenaga pengajar yang mengajar tarian ni berapa lama pengalaman?

PK: Kalau kita cepat tangkap cepatlah. Tapi cikgu lah , JKKN [Jabatan

Kebudayaan Kesenian Negara yang ajei [ajar] menari ni [ini].

NHZ: Adakah proses tarian ni [ini] sukar untuk dipelajari *step by step* [langkah demi langkah]?

PK: Mesti. *Step by step* [langkah demi langkah] dia ajar. Kalau orang minat

memang dia suka lah. Dia memang jadi .

NHZ: Apa teknik yang perlu dilakukan dalam tarian? Ada teknik tersendiri?

PK: Cikgu ajei [ajar].

NHZ: Cikgu ajar.

PK: Macamana [Bagaimana] mahu berjalan ke depan [hadapan] ke belakang,

ke kiri , ke kanan berpusing semua cikgu ajar kita ikutlah .

NHZ: Setiap pergerakan dalam tarian itu ada unsur tersendiri atau maksud tersendiri?

PK: Semua cikgu yang ajei [ajar]

NHB: Sebelum melakukan tarian ini , ada tak melakukan persediaan awal sebelum menari ?

PK: *Rehearsal* [latihan]? Mesti ada

NHZ: *Rehearsal* [latihan] selalu akan buat sebelum pertandingan berapa kali?

PK2: Ikutlah, *depends* [bergantung] biasa kalau contoh kita buat dekat

sini, kalau *organizer* [penganjur] minta untuk buat balik rehearsal

[latihan] kena [mesti] buat lah. *Sometimes* [ada masa] empat ke lima

kali lah kita buat sebelum sampai sana.

NHZ: Selepas tarian ada menghadapi kesan daripada sudut kesihatan? Macam lenguh lenguh ?

PK: Takda [Tiada]. Penat (Sambil penemuramah ketawa).

NHB: Penat sahajalah ?

PK: Penat , sungguh penat. Biasalah. Kalau hujan ke apa ke , sudah

biasalah kita. Letihlah menunggu lamalah terpaksa dia ambik [ambil]

turn by turn [aturan ke aturan] . Sapa [siapa] dulu dulu sapa

[siapa] kemudian kemudian macamlah .

NHB: Koreografi tarian ni [ini] memang dari dulu ke atau baru dicipta?

NHZ: ada olahan baru?

PK: Untuk kitorang [kami] Cikgu ajar, semua dari cikgu ajar. Dari
dulu.

NHB: Dari dulu .

NHB: Ada sebarang kriteria tak [tidak] ? penari ni dia kena [mesti] macamana untuk menari tarian ini? Atau sapa [siapa] sapa [siapa] saja [sahaja] boleh ?

PK: Badan lembut . Yalah lembut-lembut , penari dia mesti orang
peranakanlah nyonya nyonya peranakan.

NHB: Nyonya saja [sahaja] boleh ?

PK: Lain orang macam tak [tidak] boleh. Macam tak [tidak] boleh
masuk.

PK2: Orang cina takde lah [tiadalah].

PK: Orang lain memang tak boleh. Baba nyonya saje [sahaja] yang
boleh .

NHB: Faham

NHB: Ada masuk apa apa pertandingan tak untuk tarian ini ?

PK: Pertandingan takdelah [tiadalah].

NHB: Persembahan sajarah [sahajalah]

PK: Persembahan je

**NHZ: Ada simbolik tertentu untuk melambangkan kewujudan tarian ni [ini]
? Untuk kepada**

masyarakat luar?

NHB:Macamana [Bagaimana] orang nak tahu

NHZ: kewujudan tarian bakul sia ?

PK: Persembahan lah

NHZ: Untuk tarik minat.

PK: Kita joget diorang [mereka] tengok [lihat] .

**NHB: Apa harapan sebagai penari tarian bakul sia , apa harapan kepada
orang ramai untuk kenal tarian bakul sia ni [ini] ?**

PK : Harapan macamana ?

**NHZ: Harapan penari sendiri untuk tarian ni [ini] perembangkan lagi ?
Harapan?**

PK2: Harap-harap orang muda boleh *join* [sertai] sambungkan tradisi

Baba nyonya ni [ini] lah sebab kebanyakan orang muda diorang
[mereka] *interested* [tertarik] tapi tak berapa nak *join* [sertai] untuk
menari . Sebab setiap kali kita menari tu [itu] kita *practice*[berlatih]
kita punya badan lembut tu [itu] so [jadi] kena *take times* [ambil
masa] lah.

**NHZ: Untuk *practice* [berlatih] lembutkan badan tu [itu] berapa lama ambik
[ambil] masa?**

PK2: *Depends* [bergantung] lah. Satu orang lah. Kalau macam ada

basic [asas] tarian kan dia mungkin akan cepat sikit [sedikit] lah.

Kalau memang takde [tiada] baru nak datang belajar tu [itu]

memang susah sikit [sedikit] lah . Dia akan kaku. Tangan dengan

kaki akan kaku dia punya jalan pelik pelik .

PK: Macam *soldier* [askar]. (sambil penari lain ketawa)

NHB: Okay [Okey]. Cara promosi tadi melalui *facebook* [aplikasi dalam talian] kan ? Ada tak platform lain yang digunakan?

PK2: Kami juga ada keluar di ‘TV3’ [rancangan di stesen televisyen] dan ‘tv1’ [rancangan di televisyen]. ‘TV2’ [rancangan di televisyen], ‘TV9’ *news* [berita TV9].

NHB: Selain daripada itu, ada *platform* [cara] lain yang nak guna?

PK: Tok tok

NHB: Tiktok (sambil ketawa bersama penari)

PK2: Tiada lagi. Kita *promote* [promosi] pada kolej macam yang ambil course [bidang] *tourism management* [Pengurusan pelancongan]. Sebab tarian tradisi akan *involve* [termasuk] dalam *tourism* [pelancongan].

NHZ: Apa yang menyebabkan orang ramai suka tarian ini? Suka tengok ?

PK2: Nyonya yang pakai kebaya seksi (sambil ketawa) pastu [selepas itu] kita punya

PK: Gaya,jalan

PK2: Gaya, jalan

PK: Joget

PK2: Pakaian kita

NHZ: Untuk prop yang lain seperti payung, kipas adakah sama seperti bakul sia ? Corak yang digunakan tu [itu] sama atau boleh lain?

PK2: Kalau bakul sia, ada bakul sia punya corak kalau bimpo

[sapu tangan] boleh guna bimpo batik.

NHZ : Kebanyakannya guna bimpo batik

PK2: *Depends* [bergantung] lah.

Demikian tadi wawancara mengenai tarian bakul sia . Saya bagi pihak Dekan Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM, mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas kesudian Baba Robert dan ahli kumpulan yang lain, dalam memberikan maklumat dan berkongsi pengalaman. Semoga hasil rakaman ini akan memberikan manfaat kepada pendengar dan penyelidik serta seterusnya generasi akan datang. Saya sudah rakaman ini dengan ucapan ribuan terima kasih.

**TRANSKRIP
TEMUBUAL
TOKOH KEDUA**

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan dengan Cik Mia Koh yang merupakan Penari Tarian Bakul Sia Persatuan Peranakan Cina Melaka mengenai tarian bakul sia. Rakaman ini dijalankan secara atas talian menerusi platform google meet, pada 25hb Jun 2023 jam sebelas pagi. Wawancara ini dikendalikan oleh Nur Hazirah binti Zakaria dan dibantu oleh Norhasana binti baharin . Dengan segala hormatnya, kita mulakan rakaman ini.

NHB: Baiklah Cik Mia, kita akan mulakan dengan soalan orientasi. Apakah nama penuh Cik Mia?

CMK: Koh Hwee Fang.

NHB: Berapakah umur Cik Mia?

CMK: Dua enam. [dua puluh enam tahun]

NHB: Cik Mia dilahirkan dan dibesarkan di mana?

CMK: Melaka.

NHB: Memang berasal dari Melaka lah?

CMK: Ya. Berasal dari Melaka.

NHB: Cik Mia sekarang tinggal di mana?

CMK: Semambu.

NHZ: Untuk nama gelaran Cik Mia, ada nama gelaran?

CMK: Takde [tiada] hanya ade [ada] nama *family* [keluarga] yang panggil Lotus.

NHB: Cik Mia sudah berkahwin atau belum?

CMK: Belum

NHB: Belum lagi.. Okay sekarang Cik Mia tinggal seorang ataupun bersama keluarga [keluarga]

CMK: Sama [bersama] keluarga.

NHB: Kalau tak [tidak] keberatan boleh tak [tidak] cik kongsikan nama ibu dan bapa cik?

CMK: Yang ni [ini] perlu ke?

NHB: Kalau boleh lah.

CMK: Wajib ke?

NHB: Perlu.

NHB: Okay kita teruskan ke soalan seterusnya. Berapakah bilangan adik-beradik Cik Mia?

CMK: Kakak ada tiga. [tiga orang adik beradik]

NHB: Tujuh?

CMK: Tiga.

NHB: Cik Mia anak ke berape [berapa] ye [ya]?

CMK: *Number* [nombor] kedua. [anak kedua daripada tiga adik beradik]

NHB: Cik Mia sekolah rendah dan menengah di mana?

CMK: Sekolah menengah di... [talian terputus]

(bunyi notifikasi telefon)

NHB: Hello

CMK: Hello, boleh dengar?

NHB: Haah okey. Cik Mia bersekolah rendah dan menengah di mana?

CMK: Sekolah rendah di SJKC [Sekolah Jenis Kebangsaan Cina],
sekolah menengah SMK [Sekolah Menengah Kebangsaan] Canossa
Convent.

**NHB: Cik Mia ada menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi?
Ke kolej atau universiti?**

CMK: Ada

NHB: Di mana?

CMK: MMU [Multimedia Universiti]

NHB: Di Mana?

CMK: MMU [Multimedia Universiti]

NHZ: Dalam jurusan apa?

CMK: *Human Resources Management*. [pengurusan sumber manusia]

NHB: Cik Mia ada tak [tidak] sebarang pencapaian yang Cik Mia adalah sepanjang sekolah sampai ke peringkat universiti?

CMK: Hmm pencapaian haah.

NHB: Dari segi akademik ke [atau], persatuan ke.

CMK: Kalau dalam waktu sekolah tu [itu] saya atlet. So [jadi] kebanyakan saya fokus dengan atlet sahaja.

NHB: Memang minat lah jadi atlet.

CMK: Ya, memang minat.

NHB: Antara sukan yang Cik Mia main apa?

CMK: Haah, tak dengar

NHB: Antara sukan yang Cik Mia ceburi apa?

CMK: Lompat tinggi.

NHB: Sekolah menengah pun [juga] sama?

CMK: Ya sama. Tapi disebabkan saya cedera dekat kaki, so [jadi] tidak boleh lagi untuk *join* [sertai] lompat tinggi.

NHB: Faham di peringkat universiti?

CMK: Dekat universiti *mostly* [biasanya] saya *join* [sertai] untuk yang program
-program yang *related* [berkaitan] dengan saya punya *course* [jurusan]
lah.

NHB: Aktif lah?

CMK: *Sorry*[maaf]?

NHB: Aktif lah dalam program?

CMK: Ya, aktif.

NHB: Apakah kerjaya Cik Mia sekarang?

CMK: Jadi *human resource* [sumber manusia] yang lebih tinggi.

NHB: Human resources [sumber manusia] yang lebih tinggi?

CMK: Ya, contohnya *manager level*. [peringkat pengurus]

NHB: Dimana ya?

CMK: Sekarang kerja di Imperial Heritage.

NHB: Dah [sudah] berapa tahun dah [sudah] kerja dekat situ?

CMK: Setahun lebih.

**NHB: Setahun lebih. baiklah , sekarang kita akan tanya tentang Cik Mia
memang bercita-cita atau memang minat ke dalam bidang *human resources*
[sumber manusia] ini?**

CMK: Ya, memang suka .

NHB: Memang suka lah.

NHB: Macammana [bagaimana] Cik Mia boleh terlibat untuk menjadi penari untuk tarian bakul sia ini?

CMK: Okey

NHB: Bagaimana Cik Mia terlibat untuk jadi penari bagi tarian bakul sia ini?

CMK: Sebenarnya saya pergi.. Lima tahun lepas saya pergi dekat *area*

[kawasan] Melaka yang A' Famosa tu [itu]. Sebab sana diorang [mereka] ada buat Perzim [Perbadanan Muzium Melaka] punya *event* [acara].

Dorang [mereka] ada buat masakan-masakan di sana. *So*, [jadi] saya terjumpa dengan Baba Robert di sana. Sebab saya ini *original* [asli] baba nyonya, nenek

moyang saya daripada baba nyonya. *So*, [jadi] bila saya terjumpa Baba

Robert, *so* [jadi] Baba Robert pun bagitau [beritahu] saya dorang

[mereka] pun ada yang untuk penari lepastu [selepas itu] waktu saya

sekolah rendah memang saya ada *join* [sertai] dengan dekat universiti

join[sertai] tarian lah. Lepastu [selepas itu] sekolah menengah saya

ada *join* [sertai] *cheerleading* [pasukan sorak]. *So*, [jadi] memang saya

minat dalam menari lah. Disebabkan kaki saya.. Tapi dulu saya menari

hip-hop sahaja.

Disebabkan saya punya kaki cedera *so* [jadi] saya tak [tidak] boleh menari *hip-hop* selama lebih kurang setahun. *So* [jadi], petang saya jumpa Baba Robert dan saya pun tengok tarian itu, saya pun minat dengan tarian itu. *So* [jadi] dengan itu saya *join* [sertai] lah sebagai penari baba nyonya.

NHB: Oh, faham. Siapa yang sokong Cik Mia untuk jadi penari?

CMK: *Family* [keluarga] *i* [saya] pun sokong, lepastu bila saya *join in* [menyertai] *member-member* [kawan-kawan] yang dekat dalam itu diorang [mereka] pun bagus lah untuk saya masuk. Sebab *time* tu [tersebut] saya masuk itu saya yang paling muda.

NHB: Faham. Baiklah, Hazirah saya passkan [beri] kepada Hazirah untuk soalan seterusnya.

NHZ: Untuk soalan seterusnya berkaitan sejarah tarian bakul sia. Untuk *first* [pertama] soalan apa itu tarian bakul sia, maksud bagi tarian bakul sia ?

CMK: Tarian bakul sia ini *actually* [sebenarnya] dia adalah menunjukkan tarian kebudayaan Masyarakat baba dan nyonya lah. *So* [jadi] Untuk bakul sia ini akan membawa kan cara makna kata lembut sebagaimana kaum baba nyonya itu sopan lembut .

NHZ: Ada nama lain selain tarian bakul sia ?

CMK: Takde [tiada]

NHZ: Tiada. Okey wujudnya tarian bakul sia ini dari tahun bila ?

CMK: Yang tu saya tak tahu tapi baba nyonya ni di negeri Melaka sejak 600 tahun yang lalu .

NHZ: Tarian ini berasal dari negeri Melaka sendiri atau ada di negeri lain ?

CMK: Negeri Melaka sahaja. Kalau dekat Penang dia ada dia punya tarian dekat sana tak[tidak]sama.

NHZ: Adakah tarian ini memiliki ciri ciri khas tertentu?

CMK: Tiada (sambil ketawa)

NHZ: Untuk keunikan tarian ini sendiri ?

CMK: Takde[tiada]] takde [tiada]. Tapi tarian bakul sia ni[ini] sebagai satu bekas untuk mengisi makanan lah lepas tu [lepas itu] dia boleh jadi bekas untuk buat hantaran perkahwinan.

NHZ: Boleh saya tahu barang-barang yang diletakkan dalam bakul tu[itu]?

CMK: Kuih-kuih [kuih-muih]

NHZ: Kuih-muih .

NHZ: Haritu[Hari itu] saye [saya] ada *search* [membuat carian] tentang tarian trilala. Ada perbezaan tarian bakul sia dengan tarian trilala?

CMK: Tarian bakul sia dia akan guna lagu tarian trilalila , dia lagu trilalila
tapi kita bakul sia. So[jadi] kita akan namakan dia sebagai tarian bakul
sia. (Bunyi notifikasi telefon penemu bual)

NHZ: *Next* [seterusnya] soalan khusus tentang tarian ini dengan lebih mendalam. Untuk kostum atau pakaian yang digunakan semasa tarian ini kostum apa eh [ya]?

CMK: Kebaya. Seperti biasalah kebaya lepas tu [selepas itu] sanggulkan
rambut
dengan pakai sarung batik.

NHZ: Warna kostum [pakaian] boleh pilih sendiri atau ditetapkan?

CMK: Boleh pakai apa-apa sahaja kita nak [mahu] lah tapi kecuali *grey*
[kelabu], putih dengan hitam lah. Sebab yang tu [itu] memang
pantang untuk orang Baba Nyonya.

NHZ: Oh, grey [kelabu], hitam, putih warna itu?

CMK: Ya, betul.

NHZ: Untuk kostum [pakaian] itu ada pembekal sendiri yang bekalkan untuk tarian?

CMK: Biasanya kita yang beli sendiri.

NHB: Selalu beli dekat tempat yang sama ke ataupun beli secara individu atau berkumpulan?

CMK: Beli secara individu. Tempat yang tak sama lah. *As long as* [asalkan]

nampak kebaya tu [itu] . Sebab kalau kebaya baba nyonya

dia akan pendek pastu [lepastu] sarung batik kita

ialah dua muka so [jadi] maksudnya depan muka yang lain,

belakang yang lain.

**NHZ: Next [Seterusnya] cara pemakaian kain batik bagi penari perempuan ?
Cara pakai ?**

CMK: Cara pakai ?

NHZ: Ye [Ya] cara pakai kain batik kain sarung.

CMK: Biasa kita punya dah [sudah] siap dijahit punya, kita *just* [hanya] pakai

, zip Button [butang] dah [sudah] (sambil penemu bual ketawa).

NHZ: Itu yang moden sekarang ?

CMK: Ye [ya] kalau dulu punya saya tak pasti .

NHZ: Untuk corak pada pakaian tersebut , corak turun temurun atau dah [sudah] dimodenkan ?

CMK: Sekarang sudah dimodenkan kalau kebaya yang dulu dulu memang kebaya tipu , kalau orang melayu diorang [mereka] panggil kebaya ombak. Sekarang *mostly* [kebanyakannya] semua orang dah[sudah] pakai sulam lah.

NHZ: Sulam?

CMK: Sebab kalau sulam dia punya kain baru so [jadi] dia tak [tidak] perlu setrika [seterika] lepas pakai atau sebelum pakai. Kalau kain dulu-dulu , yang kain kebaya tipu tu[itu]. Kita ada dua jenis ada satu jenis adalah tebuk lubang maksudnya itu dia punya bahu bahagian ketiak tu[itu] ada lubang -lubang . Kalau yang tak tebuk lubang tu[itu] kebaya biasa biasa saja[sahaja]. Kebaya tu lepas [selepas] \ kamu pakai ataupun sedang pakai memang kena[perlu] tukar. Lepas itu [selepas itu] kamu tak[tidak] boleh , duduk kena[mesti] sopan lah . Kena[mesti] kalau tak[tidak] baju tu akan balik bekeronyok [berkedut].

NHZ: Untuk baju kebaya ini ada banyak jenis , jenis mana yang akan dipakai atau kebaya pendek sahaja?

CMK: Kebaya pendek.

NHZ: Semasa tarian akan pakai kasut tinggi? Boleh saya tahu ketinggian inci kasut tersebut ?

CMK: Yang tu[itu] takde[tiada] *spesifik* [had] lah . *Depends* [bergantung] kepada penari lah. Janji dia boleh *go on* [teruskanlah] . Tapi kita pakai kasut manik .

NHZ: Kasut manik ? kasut tu[itu] pun beli sendiri ?

CMK: Ye[ya] beli sendiri , tapi biasa kami tempah dengan orang lah , kita pilih corak kasut manik tu[itu] lepastu[selepas tu] orang itu akan buat tapak.

NHZ: Pilih ikut pilihan sendiri? Ataupun ?

CMK:Ye[ya].

NHZ: Selain bakul sia, ada prop lain yang dibawa semasa tarian?

CMK: Bimpo

NHZ: Alat perhiasan yang dipakai ?

CMK: Alat perhiasan takde[tiada] kita pakai bakul sia dan bimpo sahaja.

NHZ: Dengan cucuk sanggul ?

CMK: Ye[ya].

NHB: Kalau diikutkanlah cik Mia, berapa selalunya , mahal atau murah kos untuk nak siapkan apa macam kostum untuk menari ni[inini]?

CMK: Kalau untuk yang saya kalau saya badan kecil murah sedikitlah kalau badan lebih besar kain lebih so[jadi] mahal sikit lah. Lebih kurang kalau kebaya sahaja untuk saiz saya seratus je[sahaja]. Kalau untuk saiz L mungkin dua ratus lah.

NHB: Dia ikutlah ?

CMK: Dia ikut badan.

NHB: Baik. Silakan Cik Hazirah .

NHZ: Untuk soalan seterusnya berkaitan solekan yang dipakai . Adakah solekan tersebut mempunyai maksud tersendiri?

CMK: Solekan tu takde[tiada] maksud apa apa sebab persembahan kan dia bersolek je[sahaja]

NHZ:Solek sendiri?

CMK: Ye[ya]

NHZ: Untuk bakul sia tu[itu] boleh saye [saya] tahu cara pembuatan bakul sia ? bahan bahan yang digunakan?

CMK: Tu[itu] saya tak pasti (sambil ketawa)

NHZ: Corak pada bakul sia corak turun temurun dari dulu atau ada corak lain?

CMK: Corak dia lukisan bermotifkan bunga atau kerawang dia latar

belakang kan budaya masyarakat baba dan nyonya lah .

Dia biasa bunga atau kerawang.

NHB: Apakah fungsi bakul sia semasa tarian ini ?

CMK: Berfungsi ?

NHB: Maksudnya apa dia bakul sia tu[itu] fungsi bakul sia pada tarian ini ?

Kenapa guna bakul sia ?

CMK: Fungsi ya ? Kita untuk menunjukkan kita punya apa ni barang

[bakul sia] yang hampir dipupus.

NHB: Baik.

CMK: Sebab bukan ramai orang yang tahu bakul sia ni[ini] walaupun

ada sesetengah orang tahu , pernah nampak tapi tak[tidak] tahu

apa.

NHB: tidak tahu fungsi ?

CMK: Tidak tahu apa nama barang itu.

NHB: Siapakah nama tenaga pengajar yang mengajar tarian bakul sia ini ?

CMK: JKKN [Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara]punye[punya]

Cikgu Wan.

NHB: Nama penuh dia tahu tak[tidak]?

CMK: Tak[tidak]tahu.

NHB: Tapi dialah yang mengajar kan ?

CMK: Ye[ya] betul.

NHB: Cikgu tu sorang[seorang] je [sahaja] ke yang mengajar ? Ke dia bawa kumpulan dia sekali ?

CMK: Dia sorang [seorang]

NHB: Dia sorang[seorang] sahaja ? .

NHB: Berapakah jumlah penari yang diperlukan dalam kumpulan ini ?

CMK: Biasa enam hingga lapan sahaja.

NHB: Enam hingga lapan. Semua perempuan ke atau ade[ada] lelaki ke boleh menari ni[ini] atau ada peraturan lain?

CMK: Yang ni[ini] tarian ni [ini] boleh lelaki dengan perempuan tapi kita punye[punya]persatuan takde[tiada] lelaki kecuali Baba Robert (sambil ketawa)

NHB: Jadi semua perempuan lah kan ?

CMK: Ye [Ya] betul.

NHB: Kalau ada lelaki, tarian ni[ini] sama jugak [juga] ke atau ada sebarang perubahan yang lain?

CMK: Ada perubahan.

NHB: Cik Mia tahu tak[tidak] perubahan dia macam mana[bagaimana]?

CMK: Itu saya tak[tidak]pasti.

NHB: Okey takpe[baik]

CMK: Sebab sebelum ini pun takde[tiada] lelaki yang nak *join*[sertai].

NHB: Silakan Cik Hazirah.

NHZ: Untuk tempoh masa latihan selalu ambil berapa lama masa berapa jam?

CMK: Tempoh latihan sehari kita ambil dua jam. Pastu[lepastu] setiap minggu satu hari mesti ada dua jam untuk berlatih.

NHZ: Latihan tu[itu] akan hari hari atau ada hari tertentu sahaja?

CMK: Latihan ke ? Rabu.

NHZ: Rabu, setiap rabu ?

CMK: Ye[ya] setiap rabu kecuali kalau kami ada persembahan kami akan, kalau contoh kami belum *ready*[bersedia] so kita akan buat satu minggu dua hari untuk kita latihan .

NHZ: Bagi Cik Mia sendiri adakah proses tarian itu sukar untuk dipelajari bagi yang nak *join*[sertai]?

CMK: Tak[tidak] saya rasa senang.

NHZ:Sepanjang menari, penari akan menari sahaja atau ada menyanyi sekali?

CMK: Kita galakkan penari untuk menyanyi sekali lah .

NHZ: Berapakah jenis gerakan tarian yang ada sepanjang tarian?

CMK: Itu saya kena[perlu] kira lah. (sedang mengira). Tarian ini *mostly* [kebanyakannya] dia lenggang dan joget.

NHB: Cik Mia, boleh saya tahu penari ni[ini] perlu terdiri daripada baba dan nyonya sahaja atau orang lain boleh menari jugak[juga]?

CMK: Orang lain pun boleh menari (bunyi notifikasi telefon penemu bual tapi *mostly* [kebanyakannya] tarian ni[ini] akan perform[dipersembahkan] orang baba nyonya lah.

NHB: Baik baik. Silakan Cik Hazirah.

NHZ: Adakah terdapat persediaan awal sebelum melakukan tarian ?

CMK: Persediaan apa?

NHZ: Persediaan awal sebelum tarian ?

CMK: Untuk masa persembahan ke?

NHZ: Semasa persembahan dan sebelum persembahan?

CMK: Sebelum persembahan selalunya kite[kita] ada rehearsal[latihan] dekat
stage[pentas] tu[itu].

NHZ: Kalau semasa ?

CMK: Yang tu[itu]lah. Biasanya rehearsal[latihan] dia ambil kadang kadang
dua hari kadang-kadang seminggu so[jadi] kita akan
practice[berlatih] dan kita akan ambil tempat kita yang ada atas
pentas tu[itu].

**NHZ: Adakah tarian ini masih dilakukan secara tradisional atau terdapat
olahan baru zaman sekarang?**

CMK: Secara tradisional.

NHZ: Ikut turun temurun ?

CMK: Ya betul.

NHB: Cik Mia, boleh saya tahu dari sudut penari lah untuk menari ni[ini] ade[ada] tak macam lepas menari tu rasa sakit sakit ke lenguh lenguh ke ataupun biasa je[sahaja] macam takde[tiada] kesan pun pada badan?

CMK: Kalau yang baru, baru *join*[sertai] contoh macam kita dah *stop*[berhenti] lama takde[tiada] persembahan lepastu bila ada persembahan tu adalah sikit rasa sakit.

NHB: Kalau dah [sudah] biasa takde[tiada] rasa lah kan ?

CMK: Ye[ya] betul.

NHB: Okey silakan Cik Hazirah.

NHZ: Ada kriteria tertentu ke untuk penari menyertai kumpulan ini sebelum menyertai kumpulan?

CMK: Kalau untuk menyertai kumpulan ni[ini] kita perlukan dia salah satunya dia ibu bapa adalah baba nyonya ataupun ibu bapa diorang[mereka] adalah baba nyonya.

NHB: Kalau tak[tidak] baba nyonya tak[tidak] boleh ke menari ni[ini]?

CMK: Tak[tidak].

NHB: Faham.

NHZ: Tarian ini pernah dipersembahkan kepada kerabat diraja atau pembesar tak[tidak]?

CMK: Ade[ada] Raja Muda.

NHZ: Pada acara apa ye [ya]?

CMK: Festival. Saya search [cari] kejap[sekejap] . Festival dekat

Kuantan orang asal. Festival Kesenian Orang Asal Antarabangsa

NHB: Festival ape[apa] tu[itu] ye[ya]?

CMK: Festival Kesenian Orang Asal Antarabangsa . Ini adalah festival

untuk menunjukkan semua orang asal so[jadi] dekat festival

ni[in]i kita ada orang asli, ada persembahan daripada orang

Afrika ,Kadazan .

NHZ: Selain acara tertentu, tarian ni[in]i dipersembahkan jika ada dapat permintaan mana mana pihak kan ?

CMK: *Actually* [Sebenarnya] tak[tidak].contoh macam diorang[mereka]

panggil kita untuk buat persembahan kan. Kalau diorang [mereka]

tak[tidak] pilih lagu apa tarian apa *then* [jadi] kami akan pilih sendiri

dan *submit* [hantar] kepada mereka.

NHB: Dalam tarian ni[ini] ada tak[tidak] macam unsur unsur spiritual ke atau takde[tiada] apa pun macam itu atau pantang larang ke ?

CMK: Takde[tiada]. Pantang larang tu takde[tiada].

NHB: Baik.

NHZ: Bagi masyarakat baba nyonya sendiri ada perayaan tertentu adakah tarian ini akan dipersembahkan masa[semasa] perayaan?

CMK: Tidak.

NHB: Jadi tarian ini memang tak[tidak] pernah dipersembahkan ?

CMK: Tak[tidak] pernah.

NHZ: Berapakah durasi tarian ini selalu dipersembahkan selalunya ?

CMK: Tiga minit.

NHZ: 3 minit .

NHB: Selalu penari berlatih di mane[mana] ye[ya] berlatih tarian ini dimana ye[ya]?

CMK: Yang tempat haritu korang pergi tu[itu] ape ni di dewan

NHB: Dewan MBMB tu[itu].

CMK: Dewan MBMB tu[itu]

NHB: Di situ sahajalah ?

CMK: Betul.

NHB: Baik

NHZ: Untuk muzik yang dimainkan semasa tarian jenis apa yer[ya]?

CMK: Jenis apa?

NHZ: Jenis apa muzik ?

CMK: Muzik kadang kadang kita ada *live band* [kugiran langsung], kalau organizer [penganjur] nak buat *live band* [kugiran langsung] punye[punya] ada sorang [seorang] akan nyanyi main *live band* [kugiran langsung] Kalau biasa buka lagu saje[sahaja].

NHZ: Boleh saya tahu lagu , tajuk lagu ?

CMK: Kisah baba dan nyonya

NHB: Boleh saya tahu kalau *live band* [kugiran langsung] kan ada perbezaan tak nak menari dia atau macam sama je [sahaja] dengan lagu biasa?

CMK: Ada perbezaan. Kadang kadang tak[tidak] dengar kadang kadang diorang[mereka] akan tambah panjangkan lagu tu[itu] kita kene [perlu] on the spot [segera] lah fikir step[langkah] lama untuk tambah masa.

NHB: Jadi bergantung juga lah kan ? dengan *live band* [kugiran langsung]?

CMK: Ye[ya] betul.

NHB: Silakan Cik Hazirah

NHZ: Baik untuk lagu kisah baba dan nyonya akan guna setiap tarian atau akan ada lagu lain?

CMK: Ada lagu lain. Tarian bakul sia kan dia ada lagu kisah baba dan

Nyonya tapi dia pun boleh guna lagu trilalila .

NHZ:Trilala. NHZ:Tapi tarian dia tetap sama walaupun lagu bertukar kan ?

CMK: Tak[tidak] sama. Trilalila dia punya lagu tak[tidak] sama . Lagu

trilalila tapi tarian dia tak[tidak] sama. Tapi still[masih] guna

bakul sia dan bimpo.

NHB: Memang tak [tidak] guna instrumen lain kan ? *just* [hanya] muzik sahaja?

CMK: Takde[tiada] muzik sahaja. Kita ada juga guna kipas dengan payung.

NHZ: Payung tu [itu] pun corak dia tak[tidak] bertukar atau bertukar?

CMK: Tak[tidak] bertukar.

NHZ: Memang sama dari dulu?

CMK: Ye[ya]

NHZ: Kalau bimpo[sapu tangan]?

CMK: Bimpo dari dulu orang akan guna batik, kain batik tapi sekarang

kami tak [tidak].

NHZ: Dah[sudah] dimodenkan?

CMK: Ye[ya] betul.

NHZ: Bagaimana penerimaan orang ramai terhadap tarian bakul sia?

CMK: Penerimaan eh [ya]. Sebab kebanyakan punya masyarakat diorang

[mereka] tak [tidak] berapa kenal tarian Baba Nyonya, so [jadi]
meraka akan rasa nampak cantik lah keistimewaan itu.

NHB: Ramai tak [tidak]. kan mereka macam tertarik kan, ramai tidak macam orang nak [hendak] belajar tarian ini juga?

CMK: Ramai juga ada juga yang kata [beritahu] tidak pernah tengok tarian ini.

So [jadi] ada juga yang hendak kami untuk ajarkan. [ada yang minta
di ajarkan menari]

NHZ: Macam tarian ini kan untuk masyarakat Baba dan Nyonya. Adakah digalakkan untuk dilakukan oleh masyarakat lain yang bukan keturunan Baba Nyonya?

CMK: *Actually* [sebenarnya] ada dekat Melaka ini ada juga yang Persatuan Baba Nyonya Cina tapi *mostly* [kebanyakan] punya dorang [mereka] bukan orang Baba Nyonya, dorang [mereka] *originally* [asli] Cina. Tapi mereka takde [tiada] tarian lah.

NHZ: Selain di Melaka, tarian ini terkenal di negeri mana lagi?

CMK: Yang ini hanya untuk Melaka sahaja.

NHB: Tarian ini ada tidak sesuatu yang simbolik, maksudnya yang melambangkan tarian bakul sia kepada orang ramai?

CMK: Takde [tiada] kecuali orang ramai mereka akan nampak oh tarian ini bakul sia pernah nampak dekat mana-mana. Tapi tidak pernah nampak untuk bawakkan [membawa] bakul sia itu dijadikan satu tarian.

NHB: Faham. Silakan Cik Hazirah.

NHZ: Untuk cara pemasaran tarian ini ada acara tersendiri ka yang dilakukan oleh persatuan untuk menarik minat orang ramai?

CMK: Ada, kami ada update [kemas kini] dekat dia [merujuk kepada laman sosial persatuan] punya *facebook page*. [laman aplikasi media sosial]

NHZ: Boleh saya tahu nama *facebook* [aplikasi media sosial] ?

CMK: Boleh, Seni Kebudayaan Baba Nyonya Melaka.

NHZ: Selain *facebook*? Ada platform lain?

CMK: Takde [tiada].

NHB: Ada tak [tidak] sorry [maaf] ya (penemu bual mencelah) ada tidak rancangan hendak pasarkan [memasarkan] dekat platform lain?

CMK: Sorry [maaf]. (tokoh tidak mendengar soalan yang ditanyakan)

NHB: Ada tidak macam perancangan untuk pasarkan [memasarkan] tarian ini dekat platform yang lain?

CMK: Ada tapi tulah [begitu lah] susah sikit sebab takde [tiada] orang yang boleh ambil video [rakaman] semasa kita buat [mempersembahkan] tarian.

NHB: Oh, itu lah satu masalahnya.

CMK: Tapi biasa kalau kita semasa persembahan pun memang ada live [siaran langsung] lah. Live [siaran langsung] lepastu [selepas itu] ada masuk 'TV 2', 'TV1', 'TV 6' [merujuk kepada siaran rancangan televisyen pun ada .

NHZ: Sebelum adanya [wujud] *facebook* [aplikasi media sosial] semua ini dekat mana persatuan akan *mempromote* [promosi] tarian ini? Kaedah yang dilakukan.

CMK: Biasa sebab kita ini mostly under [kebanyakan bawah] JKKN [Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara], YISUA dengan Perzim [Persatuan Muzium Melaka] ataupun MBMB [Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah]. So [jadi], biasa kalau ada event [majlis] antara JKKN [Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara] atau YISUA mereka akan panggil kami [merujuk kepada ahli kumpulan tarian bakul sia. lah untuk membuat persembahan. Sebelum ini memang kita belum ada lagi yang pergi *birthday* [hari lahir] *performance* [persembahan] ke tapi lepas kita *post* [hantar] dekat *facebook* [laman media sosial] semua kan. So [jadi], kita pun dapat jemputan daripada untuk persembahan untuk *birthday* [hari lahir].

NHZ: Macam kita tengok sekarang banyak yang gunakan *tik tok* [aplikasi media sosial]. Ada terfikir untuk promote [promosi] melalui *tik tok* [aplikasi media sosial]? Selain *Facebook* [aplikasi media sosial].

CMK: Itu kena tanya kami punya presiden . Kalau untuk orang muda memang kita nak [mahu] lah *promote* [promosi] dekat tik tok kan. Tapi, sebab lagipun persatuan ini pun ada sesetengah *rules* [undang-undang] yang kena *follow* [ikut] kan. *So* [jadi] kita tidak boleh lah buat *decision* [keputusan] sendiri apa apapun kena setuju dengan kita punya presiden lah. Kalau presiden kata okey kita boleh *go on* [teruskan] lah.

NHZ: Kena minta persetujuan dulu.

CMK: Ya, betul.

NHZ: Untuk perkembangan tarian ini ada sudah sampai ke luar negara atau masih dalam Malaysia?

CMK: Masih dalam Malaysia. Disebabkan *last year* [tahun lepas], orang Indonesia yang jemput kita pergi dekat Indonesia, tapi *time* [masa] itu pun *still* [masih] ada covid (merujuk kepada nama virus). *So* [jadi] lepastu [selepas itu], kita pun tidak pergi. Sebab sekarang masih dalam negara lah.

NHZ: Semasa pandemic covid [pandemik koronavirus] sukar tidak untuk buat latihan ke *stop* [berhenti].

CMK: Terus *stop* [berhenti].

NHB: Jadi lepas covid-19 [penyakit koronavirus] itu macam mana persatuan ini macam hidupkan balik [semula] tarian ini?

CMK: Kami dipanggil oleh JKKN [Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara

Buat persembahan dengan Kuala Lumpur punya Budaya Istana

[Istana Budaya Kuala Lumpur]

NHB: Jadi daripada situ lah ya?

CMK: Ya.

NHZ: Susah tidak untuk naik kan semula?

CMK: Tak [tidak]. Tidak susah pun. Sebab persembahan ini memang dah [sudah] dibuat sebelum ini kan. *So* [jadi], disebabkan tiada *event-event* [majlis-majlis] yang dibuat oleh *government* [kerajaan] kan. *So* [jadi], takde [tiada] panggilan lah. (bunyi notifikasi telefon penembual)

NHB: Ada tidak macam strategi hendak pasarkan [memasarkan] selain daripada dekat Malaysia dekat luar negara?

CMK: Memang ada. Lagipun kami macam tadi saya cakap [kata] lah kita ada perancangan untuk pergi Indonesia buat persembahan.

NHB: Apakah kepentingan tarian ini dari sudut penari dan juga kepada orang ramai?

CMK: Yang ini saya tidak berapa pasti. (tokoh tidak tahu jawapan bagi soalan tersebut)

NHB: Okey. Silakan Cik Hazirah.

NHZ: Cabaran untuk memperkenalkan tarian ini sebagai ahli penari, ahli kumpulan?

CMK: Cabaran itu kita cuba hendak *attract* [menarik] kan orang muda yang Baba Nyonya untuk naikkan dengan kita punya *group* [kumpulan] tapi, sekarang ini kebanyakan dorang [mereka] tidak minat lah. Ini ialah satu cabaran untuk kita cari orang muda untuk buat tarian ini sebab sekarang kami punya *group* [kumpulan] *mostly* [kebanyakan] orang yang lebih tua.

NHZ: Apa persepsi orang ramai terhadap tarian tradisional?

CMK: Untuk orang Melaka memang sudah tengok. Jadi untuk kami pergi buat persembahan dekat Negeri Sembilan, orang Negeri Sembilan tidak pernah lagi untuk berjumpa dengan orang Baba Nyonya.

NHB: Tarian ini macam hari itu kami pergi tengok itu ada orang muda, ada yang sudah berumur kan, jadi memang tiada had umur eh [ya] untuk menari?

CMK: Tiada had umur sebab kami punya kumpulan ini bukan sahaja ada buat tarian, kami pun juga ada buat pameran, ada juga masakan. *So*[jadi], kalau contoh menari kita akan pilih yang muda-muda untuk pergi buat menari lah. Kalau untuk orang yang berumur itu *mostly* [kebanyakan] kita akan *backup* [dapat meminta bantuan] dorang [mereka] *under* [bawah] masakan.

Tapi dorang [mereka] juga boleh menari juga tiada masalah.

NHB: Baik-baik. Silakan Cik Hazirah.

NHZ: Selain *join* [menyertai] persembahan ada masuk [menyertai] mana-mana pertandingan tidak untuk tarian ini?

CMK: Pertandingan tiada. Tapi, kami pernah masuk [menyertai] bengkel lah

NHZ: Bengkel ?

CMK: Untuk mengajar *student-student* [pelajar-pelajar] yang dari kolej itu cara untuk menari.

NHB: Selalu ke mengajar *student* [pelajar] menari ?

CMK: Tak [tidak] yang ini pun dipanggil oleh Perzim [Persatuan Muzium Melaka] untuk buat tarian ini untuk mengajar budak-budak kolej sebab ada yang dalam bidang *hotel management* [pengurusan hotel] kan. Jadi kita kena [mesti] ajar mereka tarian budaya kita.

NHB: Oh. Ramai juga lah yang belajar tarian ini kan.

CMK: Ya, betul

NHB: Okey.

NHZ: Bagi Cik Mia sendiri apa langkah yang boleh dilakukan untuk peliharaan ini daripada dilupakan?

CMK: Yang ini memang kena *encourage* [menggalakkan] budak-budak zaman sekarang [generasi kini] untuk jangan lupa kan mereka punya *culture* [budaya] lah. Ramai yang akan kata tradisinya orang Cina tapi bukannya kata orang Baba Nyonya.

NHZ: Adakah perlu tarian ini diwar-warkan dengan bantuan pihak lain?

CMK: Sekarang kami punya pun ada dibayarkan oleh JKKN

[Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara. Itu satu. jadi kami sendiri sebagai penari kalau contoh kami pergi ke tempat lain-lain kan kami pun akan *promote* [promosi] kami punya *group* [kumpulan] juga kalau apa ni [ini] mereka perlu mereka nak [hendak] *invite* [menjemput] kami boleh. kami bagi *contact* [hubung] number[nombor] presiden . So [jadi], dorang[mereka] akan *contact*[hubung] presiden lah.

NHZ: Selepas membuat persembahan ada dapat pembiayaan apa-apa tidak daripada penganjur?

CMK: *Government* [kerajaan] ada.

NHB: Ada tidak mana-mana persatuan yang sponsor [taja] atau bantu persatuan ini untuk kembangkan tarian ini ke masih belum?

CMK: Belum

NHB: Belum ada lagi lah.

NHB: Silakan Cik Hazirah. (bunyi notifikasi telefon penemu bual)

NHZ: Melalui tarian bakul sia ini, apa nilai-nilai murni yang boleh dipupuk oleh penari semasa melakukan tarian?

CMK: Maksudnya? (bunyi notifikasi telefon penemu bual)

NHZ: Maksudnya melalui tarian ini apa yang penari dapat?

CMK: Penari dapat? [tokoh masih tidak memahami soalan yang ditanyakan]

NHZ: Kebaikan dari tarian.

CMK: Maksudnya lagi? [tokoh tidak memahami soalan yang ditanyakan]

NHB: Contohnya macam belajar erti kelembutan ke macam itu lah. Apa yang penari dan orang ramai dapat bila tengok tarian ini?

CMK: Kalau orang ramai yang tidak tahu Baba Nyonya ini mereka boleh *start* [mula] untuk mengenal Baba Nyonya bila nampak kami punya tarian. Kalau untuk kami kebanyakan saya *just* [cuma] *enjoy the stage* [berseronok di atas pentas].

NHB: Lagi ada lagi?

CMK: Sebab saya *join* [sertai] sekarang ini pun disebabkan saya punya minat dan *just* [cuma] nak [hendak] *enjoy the stage* [berseronok di atas pentas] dan sebab saya dari kecil pun sudah pernah naik pentas untuk buat tarian-tarian kan, so [jadi] biasanya saya *just* [cuma] *enjoy* lepastu pun dapat juga lah untuk kenal - kenal dengan orang yang tarian dari Sabah, Sarawak, Kuantan. Boleh dapat kenal orang lain lah yang daripada negeri lain atau pun negara lain . Macam contoh, tahun lepas kami pergi ke Kuantan untuk festival kesenian itu. Yang itu antarabangsa, jadi kami pun ke dengan orang antarabangsa.

NHB: Baik, adakah tarian ini perlu untuk diturunkan kepada generasi sekarang?

CMK: Ye [ya] memang perlu. Tapi generasi sekarang memang tiada yang macam minat untuk join [sertai].

NHB: Itu lah cabaran nya sekarang kan?

CMK: Ya.

NHB: Okey. Ini adalah soalan yang terakhir apakah harapan terhadap tarian bakul sia pada masa kini dan untuk masa hadapan [hadapan]?

CMK: Masa kini, boleh lah masa kini punya boleh lagi buat [peningkatan] dan akan masa kini punya untuk *encourage* [menggalakkan] dan bagi *confident* [keyakinan] sikit lah untuk budak-budak masa depan [generasi kini] .

NHB: Persembahkan.

CMK: Lepastu [selepas itu] jangan lah hapuskan kan bahasa peranakan sebab ramai zaman generasi sekarang

NHB: Tidak tahu

CMK : tidak berapa tahu Bahasa Peranakan.

NHB: Ye [ya] betul. Baiklah Cik Hazirah.

Demikian tadi wawancara mengenai tarian bakul sia . Saya bagi pihak Dekan Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM, mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas kesudian Cik Mia Koh dan ahli kumpulan yang lain, dalam memberikan maklumat dan berkongsi pengalaman. Semoga hasil rakaman ini akan memberikan manfaat kepada pendengar danpenyelidik serta seterusnya generasi akan datang. Saya sudahi rakaman ini dengan ucapan ribuan terima kasih.

RALAT

6.0 RALAT

Semasa temubual terdapat ralat yang tidak dapat dielakkan. Berikut merupakan senarai ralat yang telah dirakamkan secara tidak berlangsung:

- Bunyi notifikasi telefon bimbit
- Bunyi kereta
- Bunyi suara ketawa
- Bunyi suara penari kumpulan bersembang
- Bunyi batuk
- Bunyi kipas
- Bunyi tokoh bersembang dengan orang luar
- Menghadapi kesulitan dari segi bahasa yang digunakan kerana ada beberapa perkataan yang disebut oleh tokoh kurang jelas kedengaran dan tersekat-sekat
- Rangkaian Internet terganggu semasa sesi temubual bersama tokoh kedua

RINGKASAN

7.0 RINGKASAN

